

## Panggilan kecemasan bomba turun 30%

**Kluang:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor mencatatkan penurunan antara 20 hingga 30 peratus panggilan kecemasan berkaitan kemalangan dan kebakaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu.

Bagaimanapun, permin-taan khidmat khas untuk menangani masalah berkaitan haiwan dan binatang berbisa seperti ular serta memusnahkan sarang tebuan tanah meningkat 40 peratus bagi tempoh sama.

Pengarahnya, Datuk Yahaya Madis berkata, keadaan



YAHAYA (kiri) menyampaikan anugerah kepada penerima, semalam.



Khidmat sanitasi awam mula berkurangan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)”

**Yahaya**

ini berlaku berikutan keadaan cuaca lembab selain tiada gangguan manusia menyebabkan binatang ber-

bisa seperti ular keluar untuk mencari makan.

Katanya, untuk berhadapan dengan situasi berkenaan, pihaknya tetap bertugas dengan kekuatan 100 peratus keanggotaan namun menetapkan beberapa langkah keselamatan tambahan sama ada kepada anggota ataupun mangsa yang terabit.

“Bagaimanapun, khidmat sanitasi awam mula berkurangan selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Pemulihan

(PKPP),” katanya.

Yahaya berkata demikian pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Zon 3 2019 dan Lawatan Rasmi ke Balai Bomba dan Penyelamat Kluang, dekat sini, semalam.

Lapan belas pegawai dan anggota tujuh balai bomba dan penyelamat dari zon tiga menerima anugerah disampaikan Yahaya.

“Kami harap penerima dapat meneruskan kecemerlangan pada masa akan datang selain menjadi contoh kepada anggota lain, khususnya yang baru berkhidmat,” katanya.